

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	1 APRIL 2016

Tun M letak jawatan Pengerusi Proton

Sinar Harian
- 1/4/2016

■ FAIRUS MOHD

SHAH ALAM - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, dalam satu tindakan yang mengejutkan, melepaskan beberapa jawatan penting dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Bekas Perdana Menteri itu secara rasmi meletak jawatan sebagai Pengerusi Proton Holdings, berkuat kuasa kelmarin.

Kenyataan rasmi dikeluarkan oleh pejabat beliau menyebut, surat peletakan jawatan itu telah dihantar kepada Pengarah Urusan Kumpulan DRB-Hicom Berhad, Datuk Seri Syed Faisal Albar.

Mahathir juga melepaskan jawatannya sebagai Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP), juga berkuat kuasa kelmarin. Keputusannya, menurut kenyataan itu, telah disampaikan kepada Rektor UTP, Datuk Abdul Rahim Hashim.

Mahathir turut meletakkan jawatan sebagai Penasihat Lembaga Pembangunan

Langkawi (Lada) dan Lembaga Pembangunan Pulau Tioman (Tida).

Peletakan jawatannya telah dimaklumkan kepada Ketua Setiausaha Negara, kata kenyataan itu.

Ketegasan Mahathir melepaskan jawatan-jawatan penting itu dilihat sebagai tindakan membakar jambatan dengan pihak berkaitan.

Kabinet pada 11 Mac lalu menamatkan perkhidmatan Mahathir selaku penasihat Petronas kerana berpendapat beliau tidak lagi mendukung kerajaan sedia ada. Mahathir kini masih memegang jawatan Pengerusi Yayasan Kepimpinan Perdana.

Beliau mengumumkan keluar daripada Umno, parti yang beliau sendiri menjadi presiden selama 22 tahun, kerana ti-



MAHATHIR

dak berpuas hati dengan pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak terutama dalam isu melibatkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan derma politik berjumlah RM2.6 bilion.

Sementara itu, Proton dalam satu kenyataan semalam menyatakan mereka

menghormati keputusan yang dibuat Mahathir.

"Proton menghargai sumbangannya, komitmen dan dedikasi beliau dalam (menjalankan) tanggungjawab diamanahkan kepadanya sejak akhir 2003.

"Proton juga berterima kasih atas nasihat dan tunjuk ajar dan berdoa agar Tun Mahathir sentiasa dalam keadaan sihat," kata kenyataan tersebut.